

Hadapi syarat baru Bank Dunia

Komanwel perlu kata sepakat

Oleh HAFIFI HAFIDZ

KUALA LUMPUR, Rabu — Komanwel tidak harus bersetuju sepenuhnya dengan desakan Bank Dunia berhubung syarat baru bantuan dan pinjaman, sebaliknya mempunyai pendirian bersama dengan mengambil kira pelbagai kesulitan negara anggotanya yang lemah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata anggota Komanwel juga perlu saling membantu meningkatkan kemahiran dan mempelajari pendekatan ke arah pencapaian pengurusan kewangan yang lebih baik.

Berucap merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Kewangan Komanwel (CFMM) di sini, hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Komanwel perlu memahami kesukaran negara lemah dan sebagai penerima utama bantuan.

Hampir 300 perwakilan dan menteri-menteri dari 50 negara Komanwel menyertai persidangan dua hari itu.

Perdana Menteri berkata, jika Komanwel bergabung dan mengambil pendirian bersama mengenai masalah negara lemah selepas CFMM ini, adalah mungkin baginya muncul sebagai kumpulan dengan anggota yang kuat menyuarakan rayuan mereka yang lemah.

"Kita tidak seharusnya mengikut sahaja apa yang dimahukan oleh Bank Dunia berhubung perkara itu, tetapi mengambil kira rayuan rakan kita yang lain berikutan rundingan mengenai bantuan dan perdagangan dikaitkan dengan demokrasi, hak asasi, hak pekerja dan alam sekitar.

"Oleh itu, CFMM kali ini tidak sekadar memenuhi masa dan mengikut amalan bermesyuarat sebelum menemui menteri kewangan dan bank pusat negara lain di mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), yang akan diadakan di Bangkok minggu depan. Satu pendirian bersama perlu dibuat bagi menguntungkan negara anggota secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, kebiasaannya wujud ketidaksamaan kuasa yang digunakan oleh negara di dunia pada forum antarabangsa menyebabkan suara negara kecil tidak diambil kira dan kepentingan mereka dinafikan.

Pada masa yang sama Perdana Menteri berharap anggota Komanwel yang berhutang dan mendapat bantuan

pula menerima hakikat jika tindakan berasas dikenakan.

"Sememangnya tidak ada sesiapa yang memberi pinjaman jika bantuan itu dibelanjakan secara boros atau digunakan untuk menindas sesebuah pemerintahan.

"Bagaimanapun, pada masa yang sama negara yang memberi pinjaman dan agensi terbabit juga mesti sanggup memberikan petunjuk di samping bantuan manakala mereka yang berhutang mengikut petunjuk itu," katanya.

Beliau juga menasihati negara peminjam tidak menyetak bantuan atas alasan negara yang menerima pinjaman menindas hak asasi manusia. Sebaliknya, adalah perlu dikaji cara terbaik untuk terus memberi bantuan itu di samping mengawal penindasan yang didakwa berlaku.

Datuk Seri Dr Mahathir mahu Menteri-menteri Kewangan Komanwel komited dalam menghapuskan sebarang dasar perlindungan perdagangan jika jelas tidak berlaku penindasan kebebasan, demokrasi, hak asasi manusia, hak pekerja, kebebasan bercakap dan pencemaran alam sekitar.

Menyentuh bantuan sesama negara anggota untuk meningkatkan kemahiran dan mempelajari pendekatan ke arah pencapaian pengurusan kewangan yang baik katanya, Malaysia berpendapat kemahiran penting kerana kekayaan tidak boleh menjamin kedudukan sesebuah negara dan ia boleh hilang bila-bila masa.